




Tanggungjawab seorang hakim

Wajib patuh kepada adabul qadhi atau etika hakim bagi memastikan keadilan dilaksanakan berdasarkan hukum, undang-undang



INSTITUSI kehakiman perlu memastikan keadilan dapat ditegakkan dan kezaliman dapat dihapuskan.

NSTITUSI kehakiman berperanan sebagai tempat menyelesaikan pertikaian di antara beberapa pihak demi memastikan keadilan ditegakkan dan kezaliman dapat dihapuskan.

Justeru, institusi itu perlu dijaga dan dipelihara daripada sebarang bentuk tohmahan yang boleh menjaskas kredibiliti.

Qadhi atau hakim merupakan watak penting dan mempunyai peranan besar serta menjadi simbol dalam memastikan kredibiliti dan kewibawaan institusi kehakiman.

Oleh sebab itu, di dalam institusi kehakiman Islam, seorang hakim syarie yang dilantik mempunyai adab-adab atau etika yang harus sentiasa dijaga sama ada semasa di dalam atau di luar mahkamah.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, etika adalah prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan.

Etika hakim dalam sejarah kehakiman Islam pula dirujuk sebagai adabul qadhi. Adabul qadhi secara khusus merujuk kepada tingkah laku yang baik dan terpuji yang harus dilaksanakan oleh seorang hakim dalam berinteraksi sesama manusia semasa menjalankan tugasnya.

Dalam pengertian lain, adabul qadhi menetapkan perbuatan yang patut dilaksanakan oleh seorang hakim sama ada di dalam mahkamah ataupun di luar mahkamah.

Sejarah kehakiman Islam

Menyoroti sejarah kehakiman Islam pada zaman Rasulullah SAW, sahabat dan ulama terdahulu, adabul qadhi yang telah digariskan memberi indikator yang jelas terhadap beberapa adab penting antaranya:

1. Larangan memutuskan sesuatu perkara dalam keadaan diri yang tidak stabil, dalam keadaan marah, susah, gembira yang berlebih-lebihan, sakit, lapar dan mengantuk.
2. Larangan mengambil rasuah.
3. Larangan memihak kepada hanya satu pihak dan bebas daripada pengaruh orang lain.
4. Larangan membezakan antara pihak-pihak yang bertikai.
5. Keharusan menjaga pergaulan dengan masyarakat di sekelilingnya dan tidak menerima hadiah daripada pihak yang yang berkepentingan.
6. Berusaha mendamai dan memberikan hak yang sama kepada pihak yang terlibat dalam proses penghakiman.
7. Bertawakal dalam setiap keputusan.
8. Memutuskan setiap perkara berdasarkan ketentuan syariat.

Tugas seorang hakim yang utama adalah memastikan keadilan dilaksanakan berdasarkan hukum dan undang-undang yang diperuntukkan.

Dalam memastikan keadilan, sebarang bentuk keraguan perlu dihindarkan dan seboleh-bolehnya seorang hakim itu tidak terpengaruh dengan tekanan dan keadaan.

Firman ALLAH SWT: "Apabila kamu melakukan sesuatu hendaklah kamu berlaku adil sekalipun orang itu ada hubungan kerabat denganmu." (Surah al-An'am:152)

Justeru, dalam memastikan keadilan itu sentiasa terpelihara, seorang hakim hendaklah sentiasa menjauhkan diri daripada perkara yang membawa prasangka.

Pergaulan di antara hakim dengan masyarakat atau pihak yang mempunyai kepentingan seharusnya dielakkan kecuali pada perkara-perkara yang perlu sahaja dan semasa majlis keramaian.

Hal itu bukanlah bermaksud menyekat pergaulan hakim dengan masyarakat tetapi lebih kepada mengelak daripada wujudnya fitnah lebih-lebih lagi sekiranya pihak tersebut mempunyai kepentingan dalam mana-mana kes yang dikendalikan oleh seseorang hakim.

Berdasarkan sejarah kehakiman Islam, pemecatan hakim yang tidak beretika dan melanggar adabul qadhi telah berlaku apabila Khalifah Ali memecat hakim Abu Aswad al-Duali yang didapat melampaui batas pengadilan dengan terlalu banyak berbicara semasa perbicaraan.

Keadaan itu menggambarkan betapa ketatnya piawaian yang telah digariskan sebagai adabul qadhi dalam sejarah sistem kehakiman silam.

Adabul qadhi zaman kontemporer

Seiring dengan perubahan masa dan zaman, permasalahan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat turut akan berubah. Permasalahan yang berlaku pada masa lalu mungkin tidak berlaku pada masa kini.

Walaupun begitu, adabul qadhi yang digariskan tetap relevan dengan keperluan semasa dan diselaraskan dengan keperluan masyarakat kini. Sesuai dengan perkembangan dan keadaan semasa, adabul qadhi menjadi keperluan yang mendesak lebih-lebih dengan kepelbagaiannya yang berlaku memerlukan dinamiknya adabul qadhi.

Dalam era teknologi, isu-isu penyelewengan, rasuah, salah guna kuasa dan integriti boleh berlaku dengan mudah.

Justeru, adabul qadhi yang dinamik seharusnya menjadi asas kepada



Institusi kehakiman bukan sahaja perlu kepada hakim yang cekap dan adil dalam mengendalikan kes tetapi juga harus mempunyai integriti yang kukuh dan mampu meletakkan benteng ke dalam diri untuk mengelak daripada terjerumus dengan pelbagai godaan duniaawi."

seorang hakim bagaimana dan apakah cara yang sepatutnya dilaksanakan dan bagi memastikan institusi kehakiman kekal bebas berintegriti dan berkredibiliti.

Meskipun seorang hakim syarie diharuskan menjaga pergaulan dengan masyarakat, namun, pada zaman ini, tatkala masyarakat memerlukan pencerahan terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan perundangan, seorang hakim tidak boleh dihalang daripada berdamping dengan masyarakat selagi ia tidak menjasakan integriti hakim.

Masyarakat mengkehendaki seorang hakim yang boleh turun bersama mereka dalam menyampaikan ilmu berdasarkan pengalaman kehakiman untuk menjadi pengajaran kepada masyarakat.

Demi memastikan seorang hakim yang dilantik memiliki keupayaan dan berintegriti sekali gus menjunjung tinggi adabul qadhi, beberapa aspek perlu dibuat dan diterapkan dalam pelaksanaan institusi kehakiman.

Antaranya dari sudut pelantikan, latihan dan pengawasan terhadap adab dan etika hakim. Hakim-hakim yang dilantik hendaklah seorang yang berintegriti, latihan dan penghayatan adabul qadhi diberikan secukupnya.

Sejarah kehakiman Islam cukup menggambarkan bahawa Islam memiliki konsep yang cukup lengkap dan progresif mengenai adabul qadhi khususnya yang berkait rapat dengan pelaksanaan tugas sebagai hakim sebagaimana telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Konsep itu seharusnya menjadi acuan, pegangan dan harus dihayati oleh hakim syarie pada masa kini. Namun, apa yang lebih penting adalah adabul qadhi seharusnya sentiasa melekat bersama keperibadian seorang hakim.

Ia tidak hanya pada masa seorang hakim menjalankan tugasnya tetapi harus menjadi sebahagian daripada jati dirinya sebagai manusia. Adab qadhi seharusnya menjadi tanda aras pengawasan dalam diri seorang hakim.



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy